

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **impak negatif media sosial dan punca remaja menggemari media sosial**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Perkembangan teknologi kini mengalami perubahan yang begitu pesat, terutama dalam bidang informasi dan komunikasi. Hal ini menyebabkan gaya hidup rakyat Malaysia turut dipengaruhi oleh kepesatan ini, terutamanya bagi golongan remaja. Remaja kini telah menjadikan media sosial sebagai gaya hidup yang memudahkan mereka untuk mendapat maklumat dan berkomunikasi dengan orang lain. Walaupun media sosial banyak kebaikannya, namun terdapat kesan negatif yang perlu diberikan perhatian oleh golongan remaja. Antara kesan negatif media sosial ialah penyebaran berita palsu secara berleluasa. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, penyebaran berita palsu mesti dibanteras dengan segera.

Selain itu, media sosial juga boleh mendorong golongan muda menjadi lalai dan membuang masa dengan mengabaikan pelajaran. Di samping itu, media sosial menyebabkan golongan muda mudah terpengaruh dengan gejala negatif seperti melihat gambar dan video lucah. Oleh itu, ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sedang melayari media sosial. Malah, media sosial banyak mempengaruhi minda kanak-kanak dan remaja dengan meniru aksi ganas dan berbahaya. Oleh sebab itulah terdapat beberapa kejadian remaja meniru aksi ganas apabila bertemu dengan rakan sebaya. Terdapat juga pengguna yang terpengaruh dengan iklan produk yang dipaparkan dan mempercayai produk tersebut dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebenarnya dalam kebanyakan kes, khasiat produk yang diiklankan itu tidak menepati faedah yang dipaparkan. Antara jenis produk yang selalu memperdaya pengguna ialah produk kesihatan seperti ubat-ubatan, peralatan senaman dan barangan elektrik. Oleh itu, pengguna mesti berhati-hati dalam membeli sesuatu produk yang diiklankan di media sosial.

Seterusnya, media sosial menjadikan remaja kurang bersabar dalam tindakan kerana telah biasa memperoleh maklumat yang diinginkan melalui media sosial dengan pantas. Namun, tatkala maklumat tidak dapat diproses dengan cepat, remaja akan mudah mengalami kegusaran dan emosi kebosanan yang menggelegak. Bagi remaja yang berfikiran kurang matang pula akan mempercayai semua maklumat yang dipaparkan tanpa menyelidiki dengan lebih mendalam. Sebenarnya maklumat yang disampaikan melalui media sosial belum terbukti kebenarannya. Maklumat itu mungkin ditokok tambah dengan sengaja untuk *menimbulkan kekeliruan* dalam kalangan pengguna media sosial.

Kita harus akui bahawa remaja sekarang tidak seperti dahulu yang memanfaatkan masa terluang dengan riadah. Menerusi laman sembang pada telefon pintar masing-masing, remaja menjadi manusia yang sukar bergaul dengan orang lain secara bersemuka. Masa dihabiskan di dalam rumah sahaja. Dalam aspek keselamatan negara, media sosial kadang-kadang mewujudkan ketidaktentuan ekonomi apabila hal yang menjadi rahsia negara diperkatakan di laman sembang. Dalam hal ini, kerajaan perlu memantau media sosial untuk memastikan keselamatan negara terjamin. Selanjutnya, banyak kes telah dilaporkan apabila penggodam mencuri maklumat peribadi pengguna media sosial untuk tujuan menipu.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Berita Palsu Musuh Negara”  
oleh CMCF, *Dewan Siswa*, April 2018)

**Soalan 2(a) – *Petikan Umum***

Berdasarkan petikan *Soalan 1*, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menimbulkan kekeliruan*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menyatakan beberapa usaha yang dilakukan untuk membendung masalah penggunaan media sosial. Nyatakan usaha-usaha tersebut? [3 markah]
- (iii) Pada era moden ini, semua orang menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian. Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi sekiranya media sosial dilarang penggunaannya dalam kalangan masyarakat kita? [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas kedua-dua muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut luka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

(Dipetik daripada cerpen “Munsi” oleh Husna Nazri, dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, 2014)

- (i) Apakah unsur negatif yang terdapat di kota besar ? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang akan menimpa Mel sekiranya berhijrah ke kota tanpa ilmu dan pegangan agama yang kukuh? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai kemanusiaan lagi daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh *menghimpunkan segala rakyat* teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “ Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali,”

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, dibawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “ Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fill tuan?

Dipetik daripada prosa tradisional “ Burung Terbang Dipipiskan Lada”  
Dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menghimpunkan segala rakyat*. [ 2 markah]
- (ii) Nyatakan alasan-alasan Seri Amerta dilantik menjadi bentara. [ 3 markah]
- (iii) Peperangan yang berlaku menyebabkan orang Kelang mengambil keputusan untuk membawa anak isterinya ke Melaka bersama-sama.  
Pada pendapat anda, mengapakah orang Kelang berbuat demikian? [ 3 markah ]

**Soalan 2 ( d ) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**SEJADAH RINDU**

Terkedu aku  
di sejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi  
di keheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapkan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

Mohd. Haikal Aminuddin

- (i) Nyatakan hasrat penyajak berdasarkan sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya seseorang yang sudah bertaubat tidak kembali kepada sikapnya yang dahulu? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

Jawab **semua** soalan.

- a. Tulis **dua ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) memotong
- (ii) menahan
- (iii) menarik

[ 6 markah ]

- b. Tulis **ayat cakap ajuk** dibawah ini menjadi **ayat cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

- i. “Pada pendapat kamu, apakah kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan?” Tanya Cikgu Azurah kepada Yuslina.
- ii. “Awak tidak boleh mengambil makanan yang mengandungi kolestrol yang tinggi,”kata pemuda itu kepada rakannya.
- iii. “Kamu berhati-hatilah ketika membeli barangan secara atas talian,” pesan Puan Mariam kepada anak gadisnya.

[ 6 markah ]

- c. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Golongan cendekiawan bertanggungjawab untuk menjanakan idea-idea baharu bagi membolehkan pihak berkuasa melakukan perubahan yang banyak secara beransur-ansur demi kebaikan masyarakat.
- ii. Untuk mencegah jenayah secara berkesan, setiap orang perlulah mengubah sikap tidak peduli apabila melihat jenayah berlaku di hadapan mata dengan alasan perkara itu tidak melibatkan mereka.
- iii. Tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka mewujudkan sistem odit bahasa harus dipuji kerana semakin banyak pihak yang mengabaikan martabat dan kedaulatan bahasa kebangsaan kini.

- d. *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **tiga** kesalahan penggunaan kata atau istilah dan **tiga** kesalahan tatabahasa. Anda **tidak** perlu menyalin petikan itu semula.*

Perbincangan yang berkaitan dengan gaya terkini akan mengundang pro dan kontra lebih-lebih lagi jika sekiranya melibatkan isu budaya. Terdapat setengah pihak yang sentiasa berfikiran positif dengan kemunculan pengaruh budaya asing. Namun begitu, tidak kurang juga yang cukup pantang akan pembiakan budaya luar itu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, wujud pula golongan yang bersikap endah tidak endah dalam hal ini; mahu ditolak mereka takut dikatakan kuno. Mereka turut tertekan oleh rasa sayang apabila melihat bangsa sendiri terus hanyut dibadai budaya asing. Golongan ini sering mengubah pendirian mereka agar bersesuaian dengan kelompok yang mereka masuki.

[6 markah]

- e. *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- i. indah khabar daripada rupa
- ii. bertemu buku dengan ruas
- iii. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[ 15 markah ]

*Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel berikut :*

- (i) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Persoalan ketabahan merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji.

Jelaskan **dua** persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

- (b) Saspens juga dikenali dengan istilah ketegangan yang bermaksud peristiwa dalam novel yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, huraikan **satu** peristiwa saspens bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT.**